



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**RABU / 28 NOVEMBER 2018**

- 1. APLIKASI SEMAK HARGA IKAN**
  - **SINAR HARIAN**
- 2. JOM 'PHOTOSHOOT'**
  - **SINAR HARIAN**
- 3. TANGGUH TUTUP JALAN PERTANIAN**
  - **SINAR HARIAN**
- 4. MAHA 2018 BAWAKAN KELAINAN**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 5. DOF TAWAR 15 TARIKAN LAMAN**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 6. ROBOT JUAL MAKANAN DI MAHA**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 7. BANDING HARGA IKAN GUNA APLIKASI**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 8. SOKONG IBU TUNGGAL BERNIAGA**
  - **KOSMO**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

# KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 28 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERIKANAN

SEMBAHU 28 NOVEMBER 2018 • SINAR HARIAN

## SEMPENA MAHA 2018

### Simulasi bawa bot tarikan di pavilion MySE



Pengunjung boleh memegang sendiri bot-bot yang bergerak yang dipamerkan.

SIMULASI membawa bot antara tarikan utama di pavilion Malaysia Seafood Exposition (MySE) di MAHA2018.

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jamaludin Othman berkata, simulasi itu membolehkan pengunjung meminati sendiri pengalaman membawa bot ke tengah laut dengan pelbagai halangan dan menangkap ikan.

"Harapan kita supaya mereka boleh meminati peri jerih nelayan ke laut untuk menangkap ikan dan menghasilkan produk-produk," katanya.

Selain itu katanya, MySE tahun ini juga mempunyai kelainan tersendiri apabila membawakan House of Molise iaitu pameran hidupan bercangkerang seperti Absalone iaitu spesies yang bernilai tinggi di pasaran.

"Selain itu, pengunjung juga boleh melihat sendiri pameran hidupan seperti katang atau bealangkas serta beberapa spesies udang yang jarang dilihat di Pavilion ini.

"Kita tampilkan semua itu bagi menarik minat pengunjung untuk memahaminya kehidupan dalam industri perikanan dan informasi tentang hasil perikanan negara," katanya.

Berikutan 'Our Food Our Future' selama penganjuran MAHA2018, katanya, MySE turut memberikan fokus kepada agroteknologi iaitu Troam Lab to Table dengan menggalakkan penggunaan teknologi sepanjang rantaian nilai bermula daripada peringkat tangkapan sehingga peringkat akhir iaitu pengguna.

"Kita juga pameran kepelbagaian hidupan laut seperti Kingdom of Seafood yang mempamerkan pelbagai spesies ikan dan hidupan laut yang jarang ditemui dan berwarna-warni seperti ikan bayan dan lobster.

"Pengunjung juga boleh mencuba teknologi virtual reality Kompleks Perikanan LKIM dan Interaktif VR menangkap ikan. Kita harap penggunaan teknologi trend terkini akan dapat menarik minat belia untuk mencobai sektor perikanan," katanya.

Menurutnya lagi, MySE membawakan 29 pameran termasuk 16 usahawan bimbingan LKIM mempromosikan serta menjual pelbagai jenis produk berasaskan hasil laut pada harga diskaun.

MAHA2018 berlangsung di Titiwangsa Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini sejak 22 November lalu bakal berakhir Ahad ini.

Sehingga tengah hari semalam, pavilion MySE mencatatkan lebih 30,000 pengunjung.

JAMALUDIN

## Aplikasi semak harga ikan

LKIM lancar Aplikasi Risiko Harga Ikan pastikan peniaga dan peruncit ikut harga ditetapkan

NURLEATHA MIAM

SEROANG



Measih-masih tenaga bergambar dengan bersemangat bersama Salahuddin.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melancarkan Aplikasi Risiko Harga Ikan yang membantu pengguna membuat perbandingan harga bagi 20 spesies ikan terpilih secara harian menurut-sebut telefon pintar masing-masing.

Antaranya, ikan aya karik, cencaru dan spesies pilihan rakyat Malaysia seperti teruggi batang, bewal putih, bewal hitam, ikan merah, si-akap, ketam rejang dan udang putih.

Menurut Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, aplikasi ini akan memaparkan harga borong dan runcit melibatkan 15 pasar borong dan 40 pasar runcit.

Katanya, ia akan 'memeranchu' pelanggan atau pengguna untuk mendapatkan ikan pada harga relevan dan mampan dibeli.

"Kita harap ia akan dapat menjamin semasa peniaga dan peruncit

menagkut harga ditetapkan pada hari berkenaan. Ini adalah usaha untuk memastikan tidak berlaku penjualan harga runcit melampau.

"Bila kita gunakan aplikasi ini, kita harap ia dapat menyumbang sebahagian penyelesaian ini," katanya selepas melancarkan Majlis Perantaraan Malaysia Seafood Exposition (MySE2018) dan Peluncuran Portal Risiko Harga Ikan LKIM di pameran Perantaraan, Herikuhar dan Agro Pelancaran Malaysia 2018 (MAHA2018) di sini, semalam.

Halil sama, Pengurus LKIM, Muhammad Faiz Hafid dan Ketua Pengarah LKIM, Jamaludin Othman, serta penerangan istimewa Hara Fauzana sebagai Prenz of MySE.

Salahuddin berkata, pihaknya akan sentiasa berhubung dengan Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP) bagi memastikan peniaga mematuhi harga ditetapkan.

"KPDHEP akan menjalankan kerja pengukuasaan dari segi kawalan harga, manakala MOA menyediakan aplikasi ini untuk memudahkan rakyat memeriksa harga ikan.

"Ia akan membentuk satu suasana paling tidak pun harga ikan tidak banyak berbeza bila dipaparkan di atas meja di pasar-pasar runcit seluruh negara," katanya.

Aplikasi Risiko Harga Ikan boleh dimuat naik di Apple Store (IOS) atau Play Store bagi pengguna Android.

Untuk maklumat lanjut, pengguna juga boleh mendapatkan informasi melalui [ikanonline.lkim.com.my](http://ikanonline.lkim.com.my).

Salahuddin (tengah) mempromosikan Majlis Malaysian Seafood Exposition (MySE2018) dan peluncuran Portal Risiko Harga Ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Turut serta, Pengurus LKIM, Muhammad Faiz Hafid (kiri) dan Ketua Pengarah LKIM, Jamaludin Othman di MAHA2018.

# KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 28 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERUSAHAAN

SINAR HARIAN • SABTU 28 NOVEMBER 2018

MAHA 2018 **SEMPENA MAHA 2018**

## Jom 'photoshoot'



**Pasangan pengantin boleh bergambar di Laman Florikultur**

**NURULKHA MUMI**

**SERDANG**

**B**erapa pasangan pengantin yang baru mendirikan rumah tangga, mereka dihibu-ahukan mengadakan sesi bergambar atau 'wedding photoshoot' di Laman Florikultur pada pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pemasangan Malaysia 2018 (MAHA2018).

Laman Florikultur yang dilahiri indah dengan 60,000 bunga-bunga terdiri daripada 20 hingga 30 spesies berkecapan 'Miracle Garden' pastinya meninggalkan kenangan manis buat pengantin baharu yang merakam kenangan di sini.

"Habitat House sebuah rumah dikelilingi tanaman herba yang digunakan untuk bahan mentah di dapur seperti sayur-sayuran antaranya kubis, tomato dan kangkung. Ia berdasarkan konsep pertanian dalam bandar, yang boleh menjimatkan 30 peratus kos barang dapur.

"Cuma pada masa sekarang kita tak nampak apa yang ada di dalam rumah itu. Namun, kita menjangkakan kejutan kepada pengunjung. Ahad ini untuk melihat sendiri apa yang ada dalam rumah itu nanti," katanya.

Selain itu, katanya, antara terkenan utama di Laman Florikultur adalah 'Blossoming of Flower Arch' dan 'agroteknologi' di dalam pertanian termasuk teknologi terkini iaitu 'Unmanned Aerial Vehicle' (UAV).

"UAV adalah pesawat tanpa pemandu apabila telah diprogramkan. Antara yang dipamerkan dalam MAHA 2018 adalah drone untuk meningkatkan penghasilan hasil pertanian.

Teknologi UAV ini relevan untuk digunakan dalam sektor pertanian bagi memudahkan kerja-kerja lapangan seperti pemerhatian keadaan semasa projek dari segi pertumbuhan, pemakit dan hasil," katanya.

Dalam pada itu, Jamal Hartzan menjangkakan lebih 100,000 pengunjung akan datang melawat Laman Hortikultur sehingga Ahad.

"Sehingga kini (semalam), kita kira 50,000 orang telah berkunjung ke sini," katanya.

MAHA 2018 berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini sejak 22 November lalu bakal berakhir Ahad ini.

**Jamail bergambar bersama pasangan pengantin di Laman Florikultur.**



**Jamail (Ahr) ketika glinik penyempurnaan Walkabout Ketua Setiausaha Negara ke Miracle Garden.**



**Jamail (dua, kanan) dan Jamal Hartzan (dua, kiri) ketika Walkabout Ketua Setiausaha Negara ke Miracle Garden.**



**Jamail melakukan demonstrasi drone pada program Walkabout Ketua Setiausaha Negara ke Miracle Garden.**

# Tanggung tutup jalan pertanian

Pesawah lima kampung bimbang hasil padi terjejas

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

BAGAN SERAI

Sebuahagian ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bagan Serai dari lima kampung di sini mengesahkan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) menandatangani tindakan penutupan jalan Berm Kanan Terusan Besar di sini sehingga perediaan jalan alternatif dimuktamadkan.

Pengerusinya, Md Basid Salim berkata, tindakan PAAB menerusi kontraktor dilantik, syarikat Enchem Sdn Bhd menutup jalan ban seliaan labatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu sejak 15 November lalu bertujuan memberi laluan perlaksanaan projek pembinaan muka sauk loji rawatan air Sungai Rawa di Terusan Besar Bagan Serai, di sini sehingga 15 Mei ini.

Menurutnya, tindakan itu dijangka menyebabkan lebih 2,000 ekar sawah padi melibatkan 300 pesawah dari Kampung Parit 1,



Md Rasid (tiga, kiri) dan Zainal Abidin (kiri) menunjukkan papan tanda memuktamadkan laluan jalan pertanian Berm Kanan Terusan Besar Bagan Serai sepatutnya ditutup bermula 15 November lalu hingga 15 Mei 2019.

Kampung Parit Haji Ismail 3, Kampung Parit Mentara 3, Kampung Parit Haji Tala, Kampung Parit Air Itam dan Kampung Parit Haji Abi akan terjejas kerana hasil padi tidak dapat dikesat.

"Langkah penutupan laluan utama jentera dan lori mengangkut hasil padi ini kini meresahkan sebahagian besar pesawah dari lima kampung berkenaan kerana dibimbangi mereka tidak dapat mengangkut hasil padi yang dijangka akan dituai pada bulan Januari 2019.

"Pada ketika ini, kesemua jentera dan lori padi menggunakan laluan ban seliaan JPS untuk tujuan pertanian dan sekiranya jalan tersebut ditutup secara mengejut tanpa sebarang petan jalan alternatif, PPK Bagan Serai bimbang sumber mata pencarian pesawah akan terjejas teruk musim ini," katanya kepada media sewaktu mengadakan pertemuan dengari wakil kontraktor di lokasi penutupan jalan Berm Kanan Terusan Besar Bagan Serai di sini, pagi semalam.

Md Rasid berkata, pihaknya

bersama penduduk setempat tidak pernah membantah pelaksanaan projek berkepentingan awam bernilai RM22 juta itu, namun berharap agensi kerajaan dan kontraktor terlibat memikirkan juga kepentingan pesawah yang menjadikan jalan ban itu sebagai akses utama ke kawasan sawah padi mereka.

"PPK Bagan Serai turut hairan tindakan penutupan jalan pertanian tersebut tidak dimaklumkan kepada golongan pesawah dan penduduk setempat, sedangkan jalan itu merupakan laluan utama mereka untuk aktiviti pertanian dan kegiatan harian.

"Kami berharap satu pertemuan diadakan antara PAAB, kontraktor dilantik, JPS Kerian serta pihak kami bagi mencari jalan penyelesaian terbaik kerana isu ini melibatkan aspek mata pencarian rezeki golongan pesawah," katanya.

Wakil pesawah, Zainal Abidin Haradiah, 56, berkata, meskipun ketika ini laluan jalan pertanian itu masih dibuka untuk kegiatan semua jenis kenderaan, namun tindakan penutupannya kelak juga akan memberi impak besar terhadap urusan seharian penduduk

info

Sekiranya tiada petan perediaan jalan alternatif disediakan PAAB, majoriti pesawah terpaksa menggunakan laluan alternatif sangat jauh dari akses mudah ke kawasan sawah padi mereka mencecah jarak lima kilometer

berhampiran.

"Ingin ditekankan penduduk tidak pernah bantah pelaksanaan projek PAAB yang berkaitan bekalan air minimum untuk penduduk Kerian.

"Namun kita tidak mahu pelaksanaan dibuat tidak mengambil kira kepentingan penduduk setempat terutama golongan pesawah dan akhirnya menjejaskan kami," katanya.

Sementara itu, wakil syarikat kontraktor utama Enchem Sdn Bhd sewaktu ditemui menjelaskan, pihaknya sudah diberi lampu hijau oleh PAAB dan JPS Kerian untuk melaksanakan projek pembinaan muka sauk loji rawatan Sungai Rawa di Terusan Besar Bagan Serai sejak bulan Ogos lalu.

Menurutnya, jalan Berm Kanan Terusan Besar itu terpaksa ditutup kerana projek pembinaan itu dijangka akan turut melibatkan sebahagian kawasan jalan berkenaan.

"Setakat ini, pihak kami tidak dimaklumkan sebarang masalah berbangkit oleh agensi kerajaan berkaitan mengenai langkah penutupan jalan itu, lebih-lebih lagi ia masih belum benar-benar ditutup.

"Susulan pertemuan dengan wakil penduduk dan PPK Bagan Serai, saya akan menyampaikan luahan mereka kepada pihak syarikat dan PAAB untuk tindakan lanjut dan berharap isu ini dapat mencapai jalan penyelesaian terbaik kelak," katanya.



Md Rasid (empat, kiri) bersama sebahagian ahli PPK Bagan Serai dan wakil penduduk mempersoalkan tindakan penutupan jalan pertanian di sebelah Terusan Besar Bagan Serai bagi tujuan pelaksanaan projek PAAB.

# KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 28 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN



## MAHA 2018 bawakan kelainan

**P**AMERAN Pertanian, Menteri Kanan Pertanian dan Agri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pengurusan negara dan nasional yang dinamik sangat mencabar kepada bidang pertanian pertanian yang diadakan semasa MAHA 2018. Beliau berkata, MAHA 2018 adalah pameran terbesar dalam sejarah, dengan lebih daripada 100,000 pengunjung dan 1000 booth. Beliau berkata, MAHA 2018 adalah pameran terbesar dalam sejarah, dengan lebih daripada 100,000 pengunjung dan 1000 booth. Beliau berkata, MAHA 2018 adalah pameran terbesar dalam sejarah, dengan lebih daripada 100,000 pengunjung dan 1000 booth.

**66** Lebih banyak produk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih efisien dari sebelumnya kerana ia dapat menerapkan kecekapan makanan negara. Sektor pertanian dan agrikultur yang maju akan membawa perubahan kepada pertanian Malaysia kerana ia dapat menerapkan kecekapan makanan negara. Sektor pertanian dan agrikultur yang maju akan membawa perubahan kepada pertanian Malaysia kerana ia dapat menerapkan kecekapan makanan negara.

**66** Lebih banyak produk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih efisien dari sebelumnya kerana ia dapat menerapkan kecekapan makanan negara. Sektor pertanian dan agrikultur yang maju akan membawa perubahan kepada pertanian Malaysia kerana ia dapat menerapkan kecekapan makanan negara.



ROBOTIK adalah yang pertama diperkenalkan pada MAHA 2018.

Big Data, MAHA 2018 telah bermula dengan konsep yang ditunjukkan oleh agroteknologi. Beliau berkata, MAHA 2018 adalah pameran terbesar dalam sejarah, dengan lebih daripada 100,000 pengunjung dan 1000 booth. Beliau berkata, MAHA 2018 adalah pameran terbesar dalam sejarah, dengan lebih daripada 100,000 pengunjung dan 1000 booth.

Subjek padi, ternakan, ternus dan perikanan. Beliau berkata, MAHA 2018 adalah pameran terbesar dalam sejarah, dengan lebih daripada 100,000 pengunjung dan 1000 booth. Beliau berkata, MAHA 2018 adalah pameran terbesar dalam sejarah, dengan lebih daripada 100,000 pengunjung dan 1000 booth.

## KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 28 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERIKANAN

---



### DOF tawar 15 tarikan laman

**J**ABATAN Perikanan Malaysia (DOF) tidak melepaskan peluang memperkenalkan 15 tarikan utama komponen perikanan sepanjang MAHA 2018 ini. Menariknya, semua tarikan tersebut merangkumi *Wow Fun*, *Wow Agrotechnology* dan *Wow Education* yang bersesuaian dengan semua lapisan umur.

Galeri teknologi akan menempatkan pelbagai teknologi dan inovasi industri perikanan merangkumi industri hulu dan hiliran.

Selain pameran dan replika bot berteknologi tinggi, DOF turut menyediakan pameran ikan bernilai tinggi dan sukar ditemui di Galeri Ikan Sungai, manakala ikan-ikan sungai dan tumbuhan akuatik pula ditempatkan di Galeri

Vivarium.

Selain itu, peminat ikan belaan pasti menyukai Galeri Aquarius yang menawarkan aktiviti menyuap ikan besar dan menyauk ikan yang boleh dibawa pulang untuk dipelihara.

Pengunjung juga boleh rehat sebentar dan merasai keenakan Nasi Kandar Apollo yang menyajikan masakan tempatan istimewa dan keunikan sajian kari mata tuna dengan saiz mata tuna hampir satu kilogram.

Selain Rumah Nelayan Terbalik seperti tahun sebelumnya, terdapat juga peluang perniagaan dalam bidang perikanan dibuka kepada pengunjung iaitu DOF menghimpunkan peniaga-peniaga perikanan untuk padanan perniagaan dan menambah pendapatan.

## KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 28 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

---

### Robot jual makanan di MAHA

**KUALA LUMPUR 27 Nov.** - Mesin penjualan dan penyediaan makanan berkonsepkan robotik yang dikenali sebagai 'Dapur Pintar' antara teknologi terbaharu yang dipamerkan dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018.

Mesin yang berharga kira-kira RM150,000 itu dibangunkan CodeMax Sdn. Bhd. dan menggunakan aplikasi FoodTec yang boleh dimuat turun pada telefon bimbit.

Pengarah Pembangunan Perniagaan CodeMax, Loke Lee Siah berkata, mesin tersebut dikawal menggunakan perisian digital sepenuhnya dengan diselaras-kan mengikut menu cita rasa tempatan.

Menurutnya, 'Dapur Pintar' menggunakan kawalan digital yang diseragamkan dengan aplikasi yang membolehkan pelanggan membuat pesanan makanan melaluinya.

"Kejuruteraan robotik kini menjalankan proses pembuatan makanan tempatan menggunakan lengan robot.

"Proses ini dapat mengurangkan kos sebanyak 30 peratus. Teknologi perintis ini membawa Revolusi Industri 4.0 dalam sektor makanan dengan lebih luas," katanya ketika ditemui pada pameran MAHA 2018 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini hari ini.

# KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 28 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERIKANAN

**MAHA 2018** Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa



**SALAHUDDIN AYUB** memperkatakan sesuatu kepada ibu tunggal yang hadir dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, Selangor, semalam. - BERNAMA

## Kekang penipuan, masalah orang tengah - Salahuddin

# Banding harga ikan guna aplikasi

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**  
perangsang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 NOV.

**M**ASALAH pengawalan harga ikan membabitkan orang tengah dijangka mampu diselesaikan selepas ini menerusi pengenalan aplikasi mudah alih yang diperkenalkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Menteri Pertanian dan Indus-

tri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, aplikasi yang dinamakan sebagai Risiko Harga Ikan itu menjadi sumber rujukan rakyat bagi membuat perbandingan membabitkan sebanyak 20 spesies ikan di 15 pasar borong dan 40 pasar runcit seluruh negara.

Selain itu, katanya, aplikasi tersebut juga dapat memastikan peniaga mengikut harga yang ditetapkan agensi itu, sekali gus mengelakkan penipuan.

"Inisiatif ini merupakan se-

bahagian langkah mengelakkan masalah orang tengah dan platform bagi memastikan peniaga mematuhi harga yang ditetapkan.

"Malah, pengguna juga boleh membuat perbandingan harga. Kita akan mengadakan perbandingan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk tindakan selanjutnya selepas ini jika ada peningkatan harga yang melampau," katanya selepas pelancaran aplikasi tersebut dalam Pameran Pertanian, Hor-

tikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018, di sini hari ini.

Antara jenis ikan yang dipaparkan menerusi aplikasi itu termasuklah kembung, kerisi, selar, cencaru dan siakap.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, pengguna boleh melaporkan peningkatan harga ikan yang mendadak kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan menjadikan aplikasi itu sebagai platform rujukan.



**KERATAN AKHBAR : KOSMO**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

Kementerian Pertanian, Agrobank bekerjasama sedia pembiayaan mikro

## Sokong ibu tunggal berniaga

Oleh NOOR SYAHIDATOL AQMA MOHD. NOOR

**S**ERDANG — Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan bekerjasama dengan Agrobank bagi membantu golongan ibu tunggal mendapatkan pembiayaan mikro bagi menggalakkan mereka berniaga.

Mentorinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya berharap Agrobank dapat menyenarai golongan ibu tunggal yang berminat untuk memulakan perniagaan menerusi skim Agro Nisaa'-i yang dilancarkan baru-baru ini.

"Majoriti golongan ibu tunggal ini ada yang menceburi bidang perniagaan di pasar-pasar tani selain membuka gerai-gerai kecil bagi menampung kehidupan.

"Malah, seramai 10,000 wanita yang mendapat bimbingan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terlibat dalam pelbagai indus-

tri. Di Johor sahaja hampir 30 peratus dipelopori oleh usahawan wanita," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi ramah mesra bersama ibu-ibu tunggal dari Parlimen Pulai, Johor sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2018 (MAHA 2018) di

sini semalam. Seramai 26 ibu tunggal hadir pada program anjuran Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam, FAMA dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia.

Turut hadir Pengerusi FAMA, Ishak Ismail dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak.

Salahuddin berkata, setakat ini pihaknya bekerjasama dengan Agrobank dan FAMA bagi meningkatkan penglibatan golongan usahawan dalam sektor pertanian.



SALAHUDDIN (kanan) beramah mesra bersama sebahagian daripada ibu tunggal yang hadir pada sesi ramah mesra sempena MAHA 2018 di Serdang semalam.